

18/07/2000

Jawatan Umno kekal: PM (HL)

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Isnin - Umno tidak bercadang memansuhkan jawatan timbalan presiden dan tiga naib presiden dalam pucuk pimpinan parti kerana apa yang ada sekarang dirasakan terbaik pada masa ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pemansuhan jawatan timbalan dan naib presiden tidak akan membawa banyak perbezaan, selagi ada orang di dalam parti yang berperasaan tamak untuk memegang jawatan.

"Saya percaya, selagi ada perasaan tamak di kalangan sesetengah orang yang hanya hendak pegang jawatan semata-mata bukan kerana mereka boleh menyumbang sesuatu, maka perebutan akan berlaku.

"Kita akan cari jalan tengah, kita kekal seperti kita sekarang, tak payah tambah dan tak payah kuranglah," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke Ming Keong Garden milik Tan Sri Ting Pek Khiing, di sini hari ini.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika mengulas kenyataan bekas Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba, yang mengulangi cadangan supaya jawatan timbalan presiden dimansuhkan dan menambah jumlah naib presiden kepada lima untuk memberi lebih banyak pilihan.

Sebelum ini, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz mencadangkan supaya jawatan tiga naib presiden dimansuhkan bagi mengelak kempen sengit dan politik wang untuk jawatan itu hingga melemahkan parti.

Dr Mahathir berkata, pendapat Ghafar itu adalah pandangan peribadi dan ia perlu dikaji secara mendalam sama ada dengan pemansuhan itu akan dapat menghapuskan perebutan jawatan daripada berlaku.

Ditanya pandangannya kenapa sering berlaku perpecahan apabila ada pemilihan jawatan, beliau berkata ia berlaku kerana calon yang kalah tidak berpegang kepada amalan demokrasi sebenar dan tidak menerima kekalahan dengan hati terbuka.

"Jika semua pihak berpegang kepada prinsip demokrasi, iaitu jika bertanding dan kalah, kita terima keputusan majoriti dan menyokong siapa yang menang, masalah perpecahan selepas pertandingan tidak akan berlaku.

"Tetapi kalau kita kalah dan kita tarik diri, maka demokrasi akan runtuh. Makin lama, semakin ramai yang akan kalah dan keluar, akhirnya parti tidak mempunyai ahli sama sekali," katanya yang mengakhiri lawatan tiga hari ke Sarawak hari ini.

Mengenai politik wang, Dr Mahathir berkata ada orang yang secara terbuka berpendapat menerima sikit sebanyak duit tidak apa, kerana mereka tidak ada duit.

"Ini adalah keruntuhan akhlak dan dalam sejarah Malaysia kita dapati banyak negeri Melayu tergadai atau dijajah kerana orang ingin merebut jawatan bagi diri mereka.

"Kalau kita masih amalkan cara ini, percayalah satu hari kita akan kehilangan negara kita sendiri," katanya.

Mengulas dakwaan pembangkang konon peristiwa berdarah di Sauk, Perak baru-baru ini adalah sandiwara Umno, Perdana Menteri berkata beliau menyerahkan kepada masyarakat untuk menilainya sendiri.

Katanya, jika masyarakat boleh percaya bahawa ketua dan pengasas Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam al-Ma'unah (al-Ma'unah), Mohd Amin Mohd Razali, sanggup menggadai nyawa untuk Umno, maka bolehlah mereka percaya apa yang didakwa pembangkang menerusi laman webnya itu.

"Kalau dia (pembangkang) kata sandiwara Umno, saya amat kagumlah dengan

Umno kerana boleh menyuruh orang yang terang-terang menentang Umno mengambil tindakan supaya akhirnya mereka akan ditangkap dan akan dihukum oleh mahkamah.

"Tentulah Amin ini seorang ahli Umno yang cukup kuat kerana dia sanggup gadai nyawa untuk Umno," katanya.

Pihak pembangkang mendakwa konon kejadian itu adalah rancangan kerajaan bagi memulihkan imej negara selepas peristiwa penculikan oleh kumpulan Abu Sayaff di Sipadan, Sabah, beberapa bulan lalu.

Ditanya mengenai tindakan terhadap ahli kumpulan yang terbabit dalam peristiwa itu, Dr Mahathir berkata: "Kita akan mengambil tindakan yang tegas, tidak ada pilih kasih dalam perkara ini".

Perdana Menteri dan isteri kemudian berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada jam 3.45 petang.

(END)